

# SOP urus banjir Kemaman perlu dijadikan contoh

KUALA LUMPUR 5 Jan. - Pelan pengurusan banjir di Kemaman, Terengganu perlu dijadikan sebagai model prosedur operasi standard (SOP) kesiapsiagaan menghadapi bencana peringkat nasional.

Aktivis masyarakat, **Tan Sri Lee Lam Thye** berkata, pelan pengurusan banjir tersebut wajar dicontohi dan perlu dilaksanakan di kawasan berisiko banjir di seluruh negara bagi memastikan kerajaan bersedia untuk berhadapan dengan bencana alam tersebut.

Katanya, antara elemen yang dilihat penting dalam model tersebut adalah dengan wujudnya pelaksanaan pampasan insurans bencana kepada mereka yang terjejas akibat banjir.

"Pampasan insurans bencana tersebut mampu menjadi sumber kewangan tambahan kepada mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup selepas bencana alam tersebut terutama dari segi kewangan, mungkin nilainya dilihat tidak seberapa di mata kita, tapi besar maknanya di mata mereka."

"Selain itu, ketika musibah banjir melanda, sudah tentu aspek keselamatan paling dibimbang-



LEE LAM THYE



MOHD. FARID HASSAN

kan oleh mangsa banjir. Dengan adanya pelan sebegini mampu bertindak sebagai satu langkah atau panduan yang boleh dipatuhi sekiranya banjir berlaku," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Menurutnya lagi, pelan itu juga boleh dianggap sebagai satu pelan komprehensif memandangkan merangkumi pelbagai aspek termasuk persediaan sewaktu, semasa dan selepas banjir.

Beliau mengulas lanjut mengenai pelan pengurusan banjir di Kemaman yang mendapat pengiktirafan Gold Standard daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 2015.

Persiapan rapi yang dibuat Majlis Daerah Kemaman ber-

sama beberapa agensi kerajaan yang berkaitan banyak membantu operasi banjir walaupun dalam keadaan kritikal.

Sementara itu, Timbalan Presiden Kelab Putera 1Malaysia, **Datuk Mohd. Farid Hassan** berkata, kerajaan perlu mengambil langkah segera untuk mengatasi masalah banjir yang dilihat melanda negera saban tahun.

Jelas Mohd. Farid, semua langkah yang terdapat dalam pelan berkenaan perlu diperincikan dan disesuaikan dengan keadaan semasa untuk memastikan mampu berfungsi dengan berkesan bagi melindungi kebajikan mangsa banjir.

"Hal ini perlu dipandang serius memandangkan melibatkan kebajikan rakyat dan sekiranya pelan ini terbukti berkesan, pada hemat saya kerajaan sudah tidak boleh berlengah lagi daripada melaksanakannya,"

"Memang tidak dapat difikir bahawa nilai insurans tersebut tidak mampu membayai sepenuhnya kerugian yang ditanggung oleh mereka, namun ia sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban mereka," jelasnya.